



MENJANA
INOVASI
UNTUK SEMUA

LAPORAN DANA TAKAFULINK 2013

Laporan dan Penyata Takafulink
untuk tahun berakhir 31 Disember 2013

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Kandungan

- 2** Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif
- 4** Objektif Dana
- 5** Ulasan Pelaburan
- 9** Prestasi Dana
- 10** Tinjauan Pelaburan
- 14** Sorotan Kewangan
- 26** Penyata Aset dan Liabiliti
- 30** Penyata Pertukaran dalam Nilai Aset Bersih
- 34** Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
- 38** Nota-nota kepada Akaun
- 40** Laporan Pengarah
- 41** Laporan Juruaudit Bebas

Pemegang Sijil yang Dihormati,

Kami berbesar hati untuk menyampaikan kepada anda Laporan Dana-dana Takafulink 2013 bagi Prudential BSN Takaful Berhad. Laporan ini boleh didapati dalam laman web kami di www.prubsn.com.my.

INOVASI DI JANA
HARINI
DEMI MENJAMIN
MASA DEPAN



PruBSN
navigator



HealthEnrich



PruBSN
mobility

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat datang ke Laporan Dana Takafulink 2013. Terima kasih kerana memilih PruBSN sebagai teman kewangan dan perlindungan yang anda percayai. Masanya telah tiba sekali lagi pada tahun ini untuk memberi anda laporan kemas kini mengenai prestasi dana-dana kami agar anda mendapat perkembangan ekonomi dan situasi pasaran terkini. Saya berharap tahun 2013 merupakan tahun yang baik buat anda sepertimana pencapaian kami di PruBSN.

Sepintas lalu, kedudukan ekonomi Malaysia telah menunjukkan hasil Keluaran Dalam Negeri Kasar meningkat sebanyak 4.7% pada 2013. Ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan peningkatan eksport, ditambah pula dengan aktiviti pelaburan sehat yang merangsang peningkatan kapasiti untuk mendorong pertumbuhan masa depan ekonomi¹.

Di PruBSN, kami berbesar hati mengumumkan bahawa perniagaan kami kekal teguh dengan Sumbangan Tahunan Setara² menjana sebanyak RM269.2 juta pada 2013. Data yang diperolehi daripada Insurance Services Malaysia mengesahkan kedudukan PruBSN sebagai Pengendali Takaful Keluarga Nombor 1 di Malaysia dengan bahagian pasaran sebanyak 27.1%.

Pada tahun yang sama juga, kami telah melancarkan dua rekaan digital terkini berupa penyelesaian jualan menggunakan peranti tablet yang dipanggil PruBSN mobility dan aplikasi telefon pintar PruBSN Navigator. Kedua-dua aplikasi ini merevolusikan cara perniagaan kami dijalankan dan lebih penting lagi, ianya mempamerkan fokus kami untuk meningkatkan mutu pengalaman pelanggan apabila mereka membuat keputusan mengenai teman kewangan dan perlindungan serta keperluan mereka. PruBSN mobility membolehkan para ejen kami dan sebarang perantara untuk membuat penghantaran lengkap dengan cara yang ringkas, cepat dan tepat di samping boleh mempromosi produk-produk dan perkhidmatan syarikat kepada lebih ramai prospek dengan mudah. PruBSN Navigator pula telah direka untuk kemudahan anda, sebagai pelanggan kami, dengan menyediakan informasi yang lancar mengenai rangkaian hospital kami. Anda boleh memuat turun aplikasi ini secara percuma di App Store atau Google Play.

¹ Bank Negara Malaysia

² Sumbangan Tahunan Setara (Annual Premium Equivalent, APE atau Annual Contribution Equivalent, ACE) merupakan piawaian global yang digunakan secara meluas untuk mengukur pencapaian perniagaan baru bagi syarikat insurans dan takaful. APE atau ACE ialah jumlah keseluruhan premium biasa daripada perniagaan baru (+) 10% daripada jumlah keseluruhan premium tunggal untuk perniagaan yang tertulis untuk tahun tersebut.

PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Azim Mithani
Ketua Pegawai Eksekutif, Prudential BSN Takaful Berhad

Hasil daripada pencapaian-pencapaian ini, inovasi produk serta kekuatan prestasi kewangan kami, PruBSN telah dinobatkan dengan pelbagai anugerah yang diiktiraf oleh organisasi-organisasi di arena tanah air dan juga antarabangsa.

Begitu juga dengan kesemua dana kami yang mencapai prestasi memuaskan pada 2013. Dana utama kami iaitu Takafulink Dana Ekuiti telah menghasilkan prestasi konsisten untuk berada pada kedudukan keempat teratas di kalangan dana dari kelompok yang sama, berdasarkan pulangan pertumbuhan 3 tahun sebanyak 45.62%³. Laporan ini juga akan menunjukkan prestasi Takafulink Dana Bon kami pada 1.07% bagi pulangan pertumbuhan 1 tahun dan 11.12% bagi pulangan pertumbuhan 3 tahun⁴. Ini diikuti dengan prestasi mengagumkan bagi Takafulink Dana Urus yang mencatatkan 36.94% berdasarkan pulangan pertumbuhan 3 tahun, sekaligus menempatkannya di tangga Nombor 1 di kalangan dana dari kelompok yang sama dari industri takaful bagi tahun 2013⁵. Maklumat lanjut mengenai prestasi dana kami dinyatakan di dalam halaman seterusnya.

Seperti selalunya, kami kekal komited dalam memberikan anda perkhidmatan terbaik dan memastikan wang anda bekerja keras untuk anda.

Untuk maklumat lanjut mengenai Laporan Dana Takafulink kami, sila hantarkan e-mel anda ke customer@prubsn.com.my atau hubungi kami di talian 03 2053 7188.

Kami nantikan kejayaan yang lebih besar bersama anda pada 2014!

³ Sumber: Lipper IM (Tarikh Ekstrakan: 8 Jan 2014)

⁴ Sumber: Lipper IM (Tarikh Ekstrakan: 8 Jan 2014)

⁵ Sumber: Lipper IM (Tarikh Ekstrakan: 8 Jan 2014)

“Data yang diperolehi daripada Insurance Services Malaysia mengesahkan kedudukan PruBSN sebagai Pengendali Takaful Keluarga Nombor 1 di Malaysia dengan bahagian pasaran sebanyak 27.1%.”



OBJEKTIF DANA

Dana Takafulink Dana Ekuiti bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti patuh Syariah berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Dana Takafulink Dana Bon bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana ke panjang melalui pelaburan dalam sukuk yang terpilih.

Dana Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dalam mana-mana dana Takafulink lain yang mungkin dikenalkan pada masa hadapan.

Dana Takafulink Dana Ekuiti Dinasti bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan mematuhi Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.

ULASAN PELABURAN

Pasaran Ekuiti

Sebahagian besar daripada suku tahun pertama 2013 menyaksikan pelabur Malaysia menumpu pada kemungkinan pengumuman pilihan raya umum. Pada awal suku tahun pertama, FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur (FBM KLCI) memuncak pada 1694 mata tetapi menurun dan mengukuh sebaik sahaja kebimbangan terhadap tempoh pilihan raya umum kekal menyelubungi pasaran ekuiti. Keputusan korporat yang dikeluarkan dalam bulan Februari tidak membantu sentimen pasaran, dan ini menyebabkan para pelabur kekal gelisah. Pada akhir suku tahun pertama, jangkaan telah meningkat untuk pengumuman pembubaran Parlimen. Namun demikian, ini tidak berlaku. FBM KLCI membuat pembedulan dan menurun kepada 1613 mata dalam Februari sebelum meningkat kepada 1671.6 atau -1.03% pada dasar suku tahun ke suku tahun untuk menutup suku tahun pertama. Dalam suku tahun pertama, pelabur asing kekal sebagai pembeli bersih ekuiti Malaysia semenjak Disember 2012. Sementara itu, pelabur tempatan merupakan penjual bersih secara am.

Pasaran domestik yang tertumpu pada Pilihan Raya Umum ke-13 menyebabkan pasaran ekuiti Malaysia lembap dari segi prestasi pada permulaan suku tahun kedua berbanding prestasi pasaran serantau yang lebih baik. Namun demikian, FBM KLCI mencecah tahap ketinggian baru semasa suku tahun kedua apabila kebimbangan mengenai pilihan raya diakhiri dengan kemenangan yang selesa oleh kerajaan terkini. Ini bermakna kesinambungan polisi terutamanya pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi. Pada pertengahan suku tahun kedua 2013, pasaran mengalami kejutan dengan ulasan Ben Bernanke, Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (US Federal Reserve), serta minit mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee atau FOMC) yang dikeluarkan di mana ia telah menimbulkan risiko pengurangan pelonggaran kuantitatif (quantitative easing atau QE) Rizab Persekutuan yang lebih awal daripada yang dijangkakan. Angka pengeluaran dari China yang lebih lembap dari jangkaan dan kebimbangan terhadap kemungkinan kredit krisis di China juga telah membangkitkan kerisauan di pasaran ekuiti. Dana mengalir keluar dari pasaran baru muncul disebabkan kebimbangan terhadap kemerosotan akaun semasa dan defisit fiskal, serta nilai mata wang Asia yang menyusut secara mendadak berbanding Dolar Amerika Syarikat. Malaysia tidak dikecualikan daripada pembedulan tersebut tetapi ia berjaya pulih semula menjelang akhir suku tahun kedua 2013 apabila pasaran global menjadi stabil dan kembali pulih.

Suku tahun ketiga 2013 bermula dengan mantap untuk Malaysia di mana ia memanfaatkan dari pemulihan semula pasaran global dan menyaksikan Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index atau KLCI) mencecah tahap tertinggi baru. Walau bagaimanapun, tekanan jualan berlaku tidak lama kemudian apabila Fitch Rating mengubah penarafan ke atas Malaysia kepada "negatif" dari "stabil", berikutan keadaan kewangan awam yang semakin teruk. Pada pertengahan suku tahun ketiga 2013, Malaysia tidak terkecuali dari kemerosotan makro dan penurunan nilai mata wang seperti Indonesia, India dan Thailand berbanding mata wang utama yang lain. Pada hujung suku tahun ketiga 2013, pasaran Malaysia pulih semula seketika sejajar dengan kebanyakan pasaran serantau disebabkan oleh jangkaan penangguhan selanjutnya untuk pengurangan QE.

Ulaskan Pelaburan

Pasaran Ekuiti (sambungan)

Malaysia kembali pulih dalam suku tahun keempat 2013 berikutan kemenangan parti pemerintah di dalam pilihanraya seperti yang dijangkakan, dan pengumuman Bajet 2014 yang dianggap lebih rasional dari segi fiskal di mana cukai barangan dan perkhidmatan (goods and services tax atau GST) diperkenalkan dan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Bajet 2014 juga mengumumkan lebih langkah-langkah rasionalisasi subsidi serta langkah-langkah untuk mengekang spekulasi hartanah. Pertengahan suku tahun keempat 2013 menyaksikan beberapa aktiviti pengukuhan dan pengambilan keuntungan berikutan pengumuman keputusan korporat yang kurang memuaskan, dan di mana pelabur asing bertindak sebagai penjual bersih ekuiti dengan jumlah RM3.1 bilion untuk bulan November. Pada hujung suku tahun keempat 2013, indeks ekuiti Malaysia mencecah tahap tertinggi apabila pelabur mengukuhkan kedudukan menjelang 2014.

FBM KLCI mengakhiri tahun di bawah tinjauan dengan 1866.96 mata, iaitu peningkatan sebanyak 10.54%. Indeks FBM Emas yang lebih luas menamatkan tempoh di bawah tinjauan lebih tinggi sebanyak 12.38%. Indeks MSCI Asia Pasifik tidak termasuk Jepun naik sebanyak 0.46% berdasarkan Dolar Amerika Syarikat.¹

Ulaskan Pasaran Sukuk

Di sepanjang tempoh tinjauan, Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate atau OPR) dengan mantap pada 3%. Kadar tersebut telah dikekalkan semenjak Mei 2011. Di mesyuarat Jawatankuasa Dasar Kewangan (Monetary Policy Committee atau MPC) pada Januari 2013, BNM memaklumkan permintaan luaran yang lebih lemah terutama dari ekonomi yang lebih maju. Namun demikian pertumbuhan dalam ekonomi serantau tetap disokong oleh permintaan domestik. Dalam pasaran domestik, sektor luaran yang lebih lemah telah diimbangi oleh perkembangan aktiviti domestik yang berterusan. Penggunaan swasta disokong oleh peningkatan pendapatan dan keadaan pekerjaan yang stabil, manakala pelaburan diterajui oleh perbelanjaan modal dalam sektor berorientasi domestik, sektor minyak dan gas serta pelaksanaan projek infrastruktur. Di mesyuarat pada Julai 2013, BNM menyatakan bahawa keadaan kewangan global tetap sangat akomodatif tetapi pergolakan pasaran kewangan telah meningkat apabila pasaran menilai semula hala tujuan polisi. Di mesyuarat September 2013 pula, BNM sekali lagi memaklumkan bahawa pasaran kewangan global mengalami pergolakan ketara akibat ketidakpastian pasaran dalam hala tuju polisi serta pembalikan pengaliran daripada ekonomi baru muncul berikutan tempoh pengaliran masuk yang kukuh ke dalam ekonomi tersebut yang telah menyebabkan penurunan nilai mata wang pasaran baru muncul. Dalam pasaran domestik, permintaan domestik terus menyokong pertumbuhan dalam persekitaran permintaan luaran yang lemah. Impak pelarasan subsidi pada perbelanjaan penggunaan dijangka terkawal dengan bantuan kewangan tersasar.

¹Source: Bloomberg; World indices

Ulasan Pelaburan

Ulasan Pasaran Sukuk (sambungan)

Aktiviti pelaburan domestik tetap diterajui oleh perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan domestik dan pelaksanaan projek infrastruktur yang berterusan. Di mesyuarat MPC pada 7 November 2013, BNM memaklumkan bahawa ekonomi global terus bertambah baik pada kadar sederhana. Dalam ekonomi maju utama, pemulihan tetap perlahan dan tidak serata, manakala di Asia, pertumbuhan telah dikekalkan dengan peningkatan eksport dalam keadaan penyederhanaan aktiviti ekonomi domestik. Pergolakan dalam pasaran kewangan global telah berkurangan tetapi pasaran masih mudah terjejas oleh rintangan dan perubahan sentimen. Untuk ekonomi Malaysia, perkembangan aktiviti domestik telah disokong oleh peningkatan dalam eksport. Pada masa yang sama, penggunaan dan pelaburan swasta telah menanggung permintaan domestik dalam persekitaran perbelanjaan awam yang lebih lembap.

Inflasi keseluruhan meningkat dari 1.2% tahun-ke-tahun dalam bulan Disember 2012 ke 2.9% tahun-ke-tahun dalam bulan November 2013. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh inflasi yang lebih cepat dalam makanan dan minuman tanpa alkohol. Inflasi yang didorong oleh faktor kos domestik dijangka akan bertambah. Walau bagaimanapun, persekitaran harga luaran yang stabil, tekanan permintaan domestik yang sederhana, perkembangan kapasiti domestik dan peningkatan dalam pengeluaran dan pengedaran makanan dijangka akan menyederhanakan tinjauan inflasi. MPC menaksir bahawa ketidaktentuan dalam pengimbangan risiko akan berterusan sepanjang pertumbuhan dan inflasi domestik.

Untuk tempoh di bawah tinjauan, hasil daripada sukuk kerajaan bertempoh 3, 5 dan 10 tahun telah meningkat 15 mata dasar (basis point atau bps), 63 dan 82 bps untuk tutup pada 3.38%, 3.95% dan 4.43% masing-masing. Lengkuk MGII naik dalam tempoh di bawah tinjauan. Ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan QE oleh Rizab Persekutuan.

Secara am, hasil sukuk korporat bergerak sejajar dengan hasil sukuk kerajaan, meskipun pada kadar yang lebih rendah. Aktiviti dalam pasaran sukuk korporat disokong oleh kecairan yang mencukupi dan persekitaran kredit yang stabil.

Dari segi pembekalan, jumlah terbitan Ringgit Malaysia (RM) yang tertunggak pada akhir Disember 2013 adalah lebih kurang RM1037 bilion, di mana kira-kira 50.2% adalah konvensional dan 49.8% adalah patuh Syariah². Bahagian sukuk korporat dalam pasaran sukuk adalah lebih tinggi pada lebih kurang 36% berbanding bahagian bon korporat dalam pasaran bon konvensional, iaitu kira-kira 24%. Terbitan utama yang penting ialah dari sektor kuasa, perbankan, telekomunikasi dan lebuhraya bertol serta sukuk jaminan kerajaan. Terbitan jaminan korporat bukan kerajaan terbesar ialah dari Binariang GSM Management Sdn Bhd yang berjumlah RM6.87 bilion. Ia digunakan untuk pembiayaan semula sukuk sedia ada. Terbitan utama yang lain termasuk terbitan oleh Malakoff Power yang berjumlah RM5.38 bilion untuk penstrukturan semula hutang.

²Source: Bond Pricing Agency Malaysia

Ulaskan Pelaburan

Asia Pasifik tidak termasuk Jepun

Momentum positif pada hujung tahun 2012 berlanjutan dengan pasaran ekuiti global meraih manfaat daripada peningkatan selera risiko pada permulaan 2013. Kebanyakan daripada pasaran ekuiti Asia Pasifik tidak termasuk Jepun juga ditutup dengan lebih mantap dalam Januari apabila risiko hujung global mereda. Namun demikian, pasaran mula bergegar pada Februari apabila krisis perbankan di Cyprus mengancam kestabilan kewangan zon Eropah. Akhir suku tahun pertama menyaksikan prestasi bercampuran merentasi pasaran ekuiti global. Prestasi pasaran Asia terjejas oleh China. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pengecualian di mana Thailand, Indonesia dan Filipina telah mencapai prestasi mantap dengan sokongan permintaan domestik yang kukuh dan dasar makro yang lebih baik.

Suku tahun kedua dipenuhi dengan pergolakan. Momentum yang kukuh untuk aset berisiko menurun di Mei. Ini diikuti oleh penjualan global pada hujung Mei dan awal Jun. Terdapat kebimbangan di pasaran berikutan komen Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat mengenai kemungkinan pengurangan QE pada lewat tahun. Sebagai reaksi kepada komen tersebut, kadar faedah merentasi pasaran bon global telah meningkat secara mendadak. Ekuiti global jatuh dalam suku tahun tersebut dengan pasaran baru muncul adalah di antara yang terjejas dengan teruk. Kemungkinan pengurangan dan penurunan sokongan QE untuk pasaran bon serta kebimbangan ke atas prospek ekonomi yang semakin lembap dalam pasaran baru muncul, terutamanya di China, telah membawa kepada pengaliran keluar portfolio dari pasaran baru muncul.

Pasaran saham Asia tidak termasuk Jepun meningkat dengan sederhana dalam suku tahun ketiga apabila para pelabur menyambut dengan baik keputusan Rizab Persekutuan yang tidak dijangka untuk menangguhkan pelaksanaan pengurangan QE. Tanda-tanda pemulihan dalam aktiviti ekonomi China juga menggalakkan sentimen tersebut. Namun demikian, kebimbangan terhadap pasaran baru muncul, terutamanya defisit akaun semasa yang semakin meluas serta mata wang yang semakin lembap, terus menghalang peningkatan tersebut.

Suku tahun keempat menyaksikan perolehan yang lebih sederhana di pasaran Asia tidak termasuk Jepun. Pasaran disokong oleh berita ekonomi yang baik dari China dan India. Namun demikian, keyakinan tersebut pudar berikutan kebimbangan dalam pasaran baru muncul Asia yang termasuk impak taufan berbahaya di Filipina, pergolakan politik di Thailand, dan mata wang Indonesia yang semakin lembap. Pasaran hilang momentum menjelang akhir tahun apabila Rizab Persekutuan Amerika Syarikat mengumumkan bahawa ia akan mula mengurangkan program pembelian asetnya pada Januari 2014.

PRESTASI DANA

Takafulink Dana Ekuiti

Pada 31 Disember 2013, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 15.11% ke RM2.0481 berbanding dengan RM1.7792 pada 31 Disember 2012.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 104.66%.

Takafulink Dana Bon

Pada 31 Disember 2013, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat ke RM1.3048 dari RM1.3019 pada 31 Disember 2012, mencatat pulangan sebanyak 0.22% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 30.45%.

Takafulink Dana Urus

Pada 31 Disember 2013, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Urus adalah pada RM1.8687 berbanding dengan RM1.6708 pada 31 Disember 2012, mencatat pulangan sebanyak 11.85% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 86.75%.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Pada 31 Disember 2013, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana telah meningkat sebanyak 10.03% kepada RM1.1799 berbanding dengan RM1.0723 pada 31 Disember 2012.

Sejak penubuhannya (5 April 2010), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 17.99%.

TINJAUAN PELABURAN

Ekuiti

Sehingga kini, reaksi terhadap permulaan pengurangan QE adalah agak terkawal dan terurus. Peristiwa ini harus membawa optimisme yang menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi global sedang berjalan lancar sementara memberi keyakinan untuk persekitaran kadar faedah yang rendah. Kecemasan akibat dari pelonggaran dalam bulan Mei 2013 merupakan kejutan yang diperlukan oleh kebanyakan pasaran baru muncul untuk mula memberi tumpuan kepada pengukuhan akaun fiskal dan semasa mereka. Oleh itu, kami menjangka impak keputusan terkini ini akan mempunyai kesan yang berkurangan berbanding sebelumnya.

Dalam pasaran domestik, kerajaan Malaysia meneruskan kedudukan rasionalisasi subsidi mereka dengan kenaikan tarif elektrik dan perbincangan mengenai memberi kebenaran kepada pemegang konsesi tol lebuhraya untuk meningkatkan kadar tol seperti yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi mereka. Namun demikian, pengguna mula berhati-hati dalam perbelanjaan sehari-hari akibat daripada peningkatan harga oleh pembekal yang memindahkan kesan rasionalisasi subsidi kepada pengguna. Pembayaran BR1M telah diagihkan pada Februari 2014. Ini patut mengurangkan sebahagian daripada kenaikan kos sara hidup. Namun demikian, keazaman politik kerajaan akan menghadapi tekanan. Pegangan teguh kerajaan kepada hala tuju pengukuhan fiskal akan mengelak agensi penarafaan daripada menurunkan penarafaan berdaulat Malaysia dan meningkatkan keteguhan lembaran imbang Malaysia.

Kami menjangka 2014 yang lebih baik untuk pasaran ekuiti Malaysia, disokong terutamanya oleh pemulihan pendapatan berikutan pendapatan yang kurang menggalakkan pada 2013. Kami menjangka pendapatan pasaran akan bertambah 10-12% dalam 2014 dengan tempahan minyak & gas yang lebih mantap, harga minyak sawit mentah (crude palm oil atau CPO) yang lebih baik, halangan dari sektor luaran yang berkurangan dan dasar yang lebih rendah dalam 2013.

Walaupun tinjauan keseluruhan kami positif untuk pasaran Malaysia pada tahun hadapan, kami berpendapat perjalanan tersebut akan bergolak. Kami mengambil langkah berjaga-jaga pada separuh pertama 2014, disebabkan terutamanya oleh kebimbangan terhadap impak pengurangan QE Amerika Syarikat. Kami berpendapat pengurangan QE mungkin mempunyai impak negatif pada pasaran Malaysia yang mungkin menyebabkan kelemahan dalam Ringgit. Ekuiti dengan pegangan asing yang tinggi juga mungkin mengalami kesan negatif. Halangan jangka pendek lain adalah penerusan rasionalisasi subsidi dan langkah-langkah pengetatan kredit yang mungkin mengimpak pertumbuhan penggunaan domestik. Kami lebih positif pada tinjauan separuh tahun kedua 2014. Jika sebarang kejutan di luar jangkaan tidak berlaku, kami menjangka peningkatan pendapatan korporat akan mendorong prestasi pasaran yang lebih baik pada separuh tahun kedua.

Tinjauan Pelaburan

Sukuk

Dalam mesyuarat MPC pada 7 November, BNM mengekalkan OPR pada 3.0%. BNM memaklumkan bahawa ekonomi global terus meningkat pada kadar sederhana. Dalam ekonomi maju utama, pemulihan kekal beransur-ansur dan tidak rata. Manakala di Asia, pertumbuhan telah dikekalkan berdasar eksport yang lebih baik dalam keadaan aktiviti ekonomi domestik yang menyederhana. Pergolakan dalam pasaran kewangan global telah berkurangan tetapi pasaran masih terdedah kepada halangan dan perubahan dalam sentimen.

Untuk ekonomi Malaysia, pengembangan aktiviti domestik telah ditanggung oleh peningkatan dalam eksport. Manakala, penggunaan dan pelaburan swasta telah menanggung permintaan domestik dalam persekitaran perbelanjaan swasta yang lebih perlahan. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan dijangka meraih manfaat daripada peningkatan di sektor luaran dalam persekitaran permintaan domestik yang sederhana. Permintaan domestik dijangka akan menyederhana untuk mencerminkan penggabungan sektor awam dan penyederhanaan dalam penggunaan swasta.

Inflasi dijangka akan meningkat didorong oleh faktor kos domestik. Walau bagaimanapun, tinjauan inflasi dijangka akan disederhanakan oleh persekitaran harga luaran yang stabil, tekanan permintaan domestik yang sederhana, pengembangan kapasiti domestik dan peningkatan dalam pengeluaran serta pengedaran makanan.

MPC menaksir bahawa ketidaktentuan dalam pengimbangan risiko akan berterusan sekitar tinjauan pertumbuhan dan inflasi domestik. Dengan ini, OPR mungkin akan kekal pada 3.0% untuk separuh tahun pertama 2014.

Pada 20 November, Moody's meningkatkan tinjauan untuk bon kerajaan dan penarafan penerbit Malaysia dari stabil ke positif. Ia mengesahkan penarafan pada A3 (dua agensi penarafan antarabangsa yang lain, Fitch dan Standard & Poor's, telah mengukuhkan penarafan berdaulat Malaysia dengan tinjauan negatif dan stabil masing-masing dalam Julai). Moody's mendasarkan tinjuannya pada prospek yang lebih baik untuk penggabungan fiskal dan menekankan langkah-langkah yang diumumkan oleh kerajaan termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta pengurangan subsidi bahan api. Ia juga memaklumkan pasaran modal dalam pesisir negara yang mendalam dan prestasi ekonomi yang stabil.

Pada 2 Disember, kerajaan mengumumkan kenaikan tarif elektrik pada purata 15% untuk Semenanjung Malaysia dan 17% untuk Sabah dan Labuan yang akan berkuat kuasa pada 2014. Ini secara langsung mengurangkan subsidi oleh kerajaan. Moody's menyatakan bahawa langkah tersebut adalah positif untuk penarafan kredit Malaysia.

Pada 18 Disember, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat mengumumkan bahawa ia akan mengurangkan pembelian bulanan bonnya kepada AS\$75 bilion dari AS\$85 bilion bermula Januari 2014. Kadar hasil 10 tahun Perbendaharaan Amerika Syarikat meningkat dalam Disember, merentasi tahap 3% pada hujung bulan. Pergolakan dalam pasaran pendapatan tetap tempatan berkemungkinan akan kekal berikutan tindakan pengurangan QE yang dimulakan oleh Rizab Persekutuan.

Tinjauan Pelaburan

Asia

Tinjauan

Memandang ke hadapan, penilaian saham rantau Asia adalah menarik di bawah purata jangka panjangnya. Pemulihan ekonomi yang lembap tetapi jelas mantap di Amerika Syarikat serta pengurangan krisis perbankan dan ekonomi Eropah mungkin membawa kepada pemulihan penggunaan global. Ini akan menyediakan peluang yang kukuh untuk pertumbuhan pendapatan rantau Asia dan pemulihan semula penilaian melalui permintaan yang membangkit untuk eksport serantau.

Global

Tinjauan Pasaran

Pasaran kewangan memulakan 2013 pada kedudukan positif apabila keputusan paling teruk dari persetujuan tebing fiskal Amerika Syarikat tidak menjadi kenyataan. Walau bagaimanapun, isu hutang Eropah berikutnya dan data ekonomi Cina yang lebih lembap telah memudarkan sentimen terutamanya dalam ekonomi baru muncul. Secara am, aset berisiko dalam kebanyakan ekonomi membangun telah pulih sehingga awal Mei akibat daripada peningkatan keyakinan dalam ekonomi Amerika yang "semakin pulih".

Momentum yang positif terhenti pada lewat Mei dan Jun selepas Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat menyatakan bahawa ia akan mengurangkan program QE jika ekonomi Amerika Syarikat terus pulih. Oleh sebab perasaan kebimbangan terhadap kenaikan kadar faedah kedua-dua bon dan ekuiti dijual secara mendadak.

Namun demikian, suku tahun ketiga 2013 berakhir dengan positif untuk ekuiti global. Data ekonomi yang lebih baik dan jaminan semula daripada beberapa bank pusat bahawa polisi kewangan akan kekal akomodatif telah menenangkan pasaran. Keputusan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat yang tidak diduga untuk menengguhkan pengurangan QE dan penilaian penenangan (dovish) ke atas ekonomi Amerika Syarikat telah memperkukuhkan jangkaan bahawa Rizab Persekutuan akan mengekalkan kadar polisi rendah untuk satu tempoh yang berkekalan.

Secara am, ekuiti global meningkat sepanjang suku tahun keempat dengan Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah mencatat prestasi yang amat baik di mana data yang positif menunjukkan pemulihan ekonomi yang berterusan. Di Asia Pasifik, perolehan yang dicapai adalah lebih sederhana. Keyakinan awal berikutan plenum ketiga dan perjanjian reformasi oleh China diimbangi oleh keraguan dalam pasaran baru muncul di Asia, terutamanya impak taufan berbahaya di Filipina, pergolakan politik di Thailand dan mata wang Indonesia yang semakin lembap. Pasaran juga hilang momentum menjelang hujung tahun apabila Rizab Persekutuan Amerika Syarikat mengumumkan bahawa ia akan mula mengurangkan program pembelian asetnya dalam Januari 2014.

Tinjauan Pelaburan

Global (sambungan)

Tinjauan Pasaran (sambungan)

Namun demikian, 2013 merupakan tahun yang baik untuk pasaran membangun. Ekuiti Amerika Syarikat mencatatkan perolehan yang paling kukuh manakala indeks MSCI Amerika Syarikat meningkat 32%. Ekuiti Jepun naik 27%, dipengaruhi oleh perjanjian oleh Abenomics untuk mencapai pertumbuhan dan mata wang yen yang lebih lemah. Rantau Eropah yang bergolak turut mencatatkan pulangan dua angka sebanyak 25%. Secara bandingan, pasaran baru muncul adalah lebih lemah dan menamatkan 2013 dalam persekitaran yang negatif. Pertumbuhan yang kurang memuaskan, perkembangan kredit yang berlebihan dan ketidak seimbangan luaran yang meningkat adalah sebab-sebab utama para pelabur menjauhi pasaran baru muncul.

Satu lagi ciri penting 2013 ialah penyambungan pergerakan pelabur ekuiti ke dalam sektor "selamat" yang semakin mahal (iaitu sektor yang agak terlindung daripada pertumbuhan ekonomi yang lebih lembap). Pergerakan ini menjejaskan sektor "berkitar" (iaitu sektor yang lebih terdedah kepada pertumbuhan) yang telah menjadi semakin murah. Jurang penilaian di antara sektor "selamat" dan "berkitar" nampaknya sebagai tidak wajar. Pada satu ketika, pelabur akan membuat pertukaran tetapi pencetus untuk berbuat demikian belum jelas lagi.

